

# **PROSIDING** **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

**27 ~ 28 MEI 2002**

**HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG**

**Anjuran :**



**Universiti Teknologi MARA**  
**Cawangan Pahang**

**Dengan Kerjasama**



**Kerajaan**  
**Negeri Pahang Darul Makmur**

**JILID 1**



## MENANGANI KESAN SOSIAL AKIBAT PEMBANGUNAN MELALUI PENILAIAN KESAN SOSIAL – ANALISIS KEADAAN SEMASA DAN CADANGAN MASA HADAPAN

ABDULLAH MOHAMAD SAID

Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu

Beg Berkunci 71, 88997 Kota Kinabalu

### ABSTRACT

*Pelaksanaan projek, program, pelan dan polisi turut memberi kesan negatif terhadap ciri-ciri social. Dalam arus pembangunan negara yang pesat dan dalam era globalisasi sudah pasti lebih banyak projek, program, pelan dan polisi yang diperkenal dan dilaksanakan. Kesan sosial yang dijangka berlaku perlu ditangani dengan berkesan dan salah satu pendekatan yang sesuai ialah melalui Penilaian Kesan Sosial (SIA). Melalui SIA kesan yang berkemungkinan terjadi dikenal pasti awal, iaitu sebelum cadangan projek, program, pelan dan polisi dilulus dan dilaksanakan. Amalan SIA semasa melalui Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) untuk cadangan projek dan program perlu diperbaiki. Selain itu, perlu juga dilihat kemungkinan memperkenalkan SIA untuk cadangan pelan dan polisi. Polisi dan mekanisme yang sesuai perlu diwujudkan untuk memastikan SIA berupaya memainkan peranan berkesan dalam menangani kesan sosial.*

*Key Words – Penilaian Kesan Alam Sekitar, Penilaian Kesan Sosial*

### PENGENALAN

Pelaksanaan projek, program, pelan dan polisi pembangunan sering mengakibatkan perubahan terhadap ciri-ciri social. Perubahan ini dapat dilihat di peringkat individu, keluarga dan komuniti. Oleh itu, dalam membuat keputusan berkaitan dengan cadangan pembangunan, kepentingan projek, manfaat dan kesan buruk projek berkenaan terhadap masyarakat perlu diambil kira. Pembuat keputusan perlu mencari perseimbangan antara kesan buruk terhadap factor-faktor sosial dengan manfaat yang diperolehi daripada pelaksanaan projek, program, pelan dan polisi supaya apa-apa yang dilaksanakan benar-benar memberi manfaat.

Komitmen kerajaan terhadap menangani isu-isu sosial jelas dinyatakan dalam rancangan pembangunan lima tahun negara. Sebagai contoh, laporan Rancangan Malaysia Ketujuh (KM, 1996) mengakui hakikat bahawa masalah sosial kian serius. Laporan ini juga mengaitkan masalah sosial dengan pembangunan negara yang pesat. Menurut laporan ini, ini merupakan salah satu cabaran negara yang perlu ditangani dengan berkesan. Laporan Rancangan Malaysia Kelapan (KM, 2001) pula mengambil menangani isu sosial sebagai salah satu asas penting dalam rancangan pembangunan negara. Laporan ini menyatakan bahawa pembangunan ekonomi dan pembandaran serta globalisasi memberi kesan terhadap budaya dan norma masyarakat. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (KPNPM) yang merupakan urusetia kepada Jawatankuasa Khas Membanteras Masalah Sosial telah menyediakan Laporan Isu-Isu Sosial Masa Kini. Ekoran daripada laporan ini, Pelan Tindakan Sosial (PINTAS) telah disediakan dan telah diluluskan Jawatankuasa Khas Kabinet Bagi Membanteras Masalah Sosial pada tahun 1997. Salah satu cadangan dalam laporan ini ialah memperkenalkan dan mewajibkan Penilaian Kesan Sosial (SIA).

Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang mula diperkenalkan pada tahun 1988 turut mengambil kira aspek sosial di samping aspek-aspek alam sekitar yang lain. Walau bagaimanapun, setelah hampir 14 tahun EIA perkenalkan ternyata bahawa kesan sosial terbukti tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Di samping itu, Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) turut memuatkan penilaian terhadap kesan sosial akibat daripada projek yang dicadangkan. Walau bagaimanapun LCP masih agak baru diamalkan dan penggunaannya juga setakat ini tidak meluas berbanding dengan EIA. Menyedari kepentingan mengawal dan menghindari kesan pelaksanaan projek dan polisi serta kelemahan menilai kesan berkenaan melalui mekanisme perancangan dan penilaian projek sedia ada, terdapat usaha yang sedang dijalankan untuk memperbaiki kelemahan ini. Kertas ini membincangkan mengenai isu ini dengan memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- a) Menghuraikan maksud Penilaian Kesan Sosial (SIA) dan kepentingannya;
- b) Menganalisis amalan semasa SIA khususnya dalam EIA dan LCP;
- c) Mengemukakan cadangan yang boleh membantu amalan SIA pada masa hadapan.

## MAKSUD SIA

Berdasarkan Bowles (1981), Burdge dan Vanclay (1996), Burdge *et al.* (1994); ICGPA (1994) dan Wolfe (1980) SIA ialah proses menilai atau menjangka, pada peringkat awal, kesan sosial akibat daripada pelaksanaan projek, program atau polisi. Kesan yang dinilai merangkumi kesan negatif yang merugikan dan kesan positif yang menguntungkan masyarakat. Taylor *et al.* (1995) mengelak menggunakan perkataan “kesan”, lalu memilih istilah Penilaian Sosial (SA). Perkataan kesan digugurkan untuk memberi gambaran bahawa kesan yang diberi perhatian dalam SIA tidak terhad kepada kesan negatif sahaja seperti anggapan sesetengah pihak yang kurang memahami SIA. Istilah ini menggambarkan bahawa kesan positif juga turut diambil kira.

Berbanding dengan EIA, SIA kurang diketahui kerana pada masa ini kesan sosial merupakan sebahagian daripada aspek yang dikaji dalam EIA. Bahkan perkembangan SIA bergantung dan seiring dengan perkembangan teori dan amalan EIA (Gale, 1984). Sebab itulah samada SIA sepatutnya dianggap sebagai sebahagian daripada EIA masih diperdebatkan secara teori sementara dari segi amalan pula sesetengah pihak lebih bersetuju SIA dijadikan sebahagian daripada EIA. Dalam membincangkan perkembangan SIA, Taylor *et al.* (1995) dan Burdge (1994a) menggunakan pengenalan National Environmental Policy Act 1969 (NEPA) yang merupakan asas perundangan EIA di Amerika Syarikat sebagai permulaan kepada SIA. Begitu juga dengan pandangan Breheny (1984) yang menganggap bahawa pada peringkat awal EIA hanya menumpukan kepada aspek biofizikal alam sekitar sahaja sementara aspek sosial merupakan tambahan yang berlaku kemudian. Wathern (1988) berpendapat bahawa SIA berkembang begitu pesat dalam teori dan amalan EIA sehingga seolah-olah menjadi suatu bidang tersendiri.

Sebelum EIA dan SIA diperkenalkan, ahli sosiologi memang telah banyak menjalankan kajian mengenai kesan sosial akibat daripada pembangunan (Becker, 1995; Burdge dan Vanclay, 1996). Walau bagaimanapun kajian ini merupakan kajian retrospektif, iaitu kajian yang dijalankan ketika kesan social telah pun terjadi. SIA berbeza dengan kajian kesan sosial yang sedemikian kerana SIA dilaksanakan sebelum kesan terjadi iaitu semasa projek, program atau polisi yang dicadangkan masih dalam peringkat perancangan. SIA melibatkan menjangka dan meramal kesan sosial yang akan berlaku serta mengenal pasti cara-cara menangani kesan-kesan berkenaan. Serbagai ringkasan, SIA mempunyai ciri-ciri dan tujuan seperti berikut (lihat, Barrow, 1997):

- a) Menggunakan pendekatan proaktif;
- b) Menilai kesan secara berstruktur;
- c) Mengenal pasti kesan secara objektif;
- d) Menilai kesan secara komprehensif
- e) Mengenalpasti cadanganb alternatif;
- f) Menyediakan laporan yang jelas, ringkas dan tidak memihak;
- g) Melibatkan orang awam;
- h) Mencapai matlamat pembangunan mapan

Kesan pembangunan terhadap cirri-ciri sosial telah dibincang dengan meluas oleh ramai penulis. Sebagai contoh, Vanclay (1996) menyenaraikan kependudukan, struktur masyarakat atau komuniti, ciri-ciri sosioekonomi, infrastruktur dan cirri-ciri individu dan keluarga sebagai sebahagian daripada cirri-ciri social yang sering mengalami perubahan.. Burdge (1994b), Burdge dan Johnson (1994) dan Barrow (1997) pula menganggap cirri-ciri kebudayaan seperti norma, nilai dan kepercayaan sebagai sebahagian daripada cirri-ciri sosial. Untuk memberikan gambaran yang lebih menyeluruh, Kotak 1 meringkaskan antara cirri-ciri sosial yang mungkin mengalami perubahan akibat daripada pembangunan dan wajar diambil kira dalam SIA (lihat, Burdge, 1994).

### Kotak 1: Ciri-Ciri Sosial Dalam SIA

<b>KESAN KEPENDUDUKAN</b>
Perubahan kependudukan
Perubahan komposisi penduduk
Perubahan komposisi umur
Perubahan komposisi jantina
Perpindahan
Kehadiran pekerja asing
Kehadiran pengunjung
<b>KESAN KOMUNITI DAN INSTITUSI</b>
Pembentukan sikap terhadap projek
Aktiviti kumpulan berminat
Kepelbagaian aktiviti ekonomi
Perubahan terhadap perbezaan tahap ekonomi
Perubahan peluang pekerjaan
<b>KONFLIK ANTARA PENDUDUK ASAL DENGAN PENDUDUK BARU</b>
Kewujudan kelas baru
Perubahan komuniti pertanian, perindustrian, perniagaan
Kehadiran pendatang
<b>KESAN INDIVIDU DAN KELUARGA</b>
Perubahan aktiviti harian
Perubahan corak pergerakan
Perbezaan agama dan kepercayaan
Perubahan struktur keluarga
Perubahan perhubungan social
Persepsi kesihatan dan keselamatan
Perubahan peluang rekreasi
<b>KESAN KEPERLUAN INFRASTRUKTUR</b>
Perubahan infrastruktur komuniti
Pengambilan balik tanah
Kesan terhadap bahan budaya, sejarah dan arkeologi

Selain daripada projek, program, pelan dan polisi pembangunan perubahan ciri-ciri sosial terjadi akibat daripada proses perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan sosial yang terjadi tidak semestinya dianggap kesan sosial kerana kesan sosial hanya berlaku apabila perubahan sosial disedari dan dirasakan (lihat, Barrow, 1997; Vanclay, akan diterbitkan). Ada beberapa perbezaan antara perubahan ciri-ciri social berbanding dengan perubahan terhadap ciri-ciri alam sekitar biofizikal. Kesan terhadap ciri-ciri alam biofizikal hanya terjadi apabila sesuatu projek telah dilaksanakan tetapi kesan sosial mungkin terjadi lebih awal, bahkan pada peringkat perancangan projek. Terdapat bukti bahawa masyarakat mula menunjukkan reaksi terhadap projek yang masih dalam proses perancangan. Selain itu, manusia bukan sekadar merasai kesan akibat daripada aktiviti pembangunan tetapi juga memberi reaksi terhadap kesan yang ditanggung. Ini menjadikan kesan sosial lebih rumit untuk ditangani berbanding dengan kesan biofizikal. Seterusnya, reaksi masyarakat terhadap perubahan berbeza-beza mengikut individu dan kelompok dan masa dan jangka masa reaksi berlaku berbeza-beza. Tahap perubahan atau kesan yang dialami juga tidak serupa. Ini menjadikan usaha menilai kesan sosial sangat mencabar.

### AMALAN SIA SEMASA

EIA telah didefinisi ramai penulis (lihat sebagai contoh, Canter, 1996, Munn, 1979). Secara ringkas, EIA ialah usaha menilai kesan cadangan pembangunan terhadap alam sekitar. Penilaian dilakukan awal, iaitu

semasa cadangan pembangunan masih di peringkat perancangan. Hasil penilaian yang dibuat dijadikan salah satu pertimbangan dalam memberi kelulusan cadangan pembangunan yang dikemukakan.

Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling mewajibkan terhadap cadangan pembangunan. Terdapat 19 kategori cadangan pembangunan yang diwajibkan EIA tersenarai dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Keatas Alam Sekeliling) 1985. Aspek social merupakan salah satu komponen dalam kajian EIA. Garis panduan EIA (JAS, 1988) dan garis panduan khusus untuk projek (JAS, 1994a, 1994b, 1994c; 1994d) menyenaraikan isu-isu social yang perlu dikaji dalam EIA di bawah tajuk Kesihatan dan keselamatan, social dan ekonomi dan estetik dan kebudayaan (lihat Kotak 2).

**Kotak 2: Faktor-faktor Kemanusiaan Dalam Kajian EIA**

A.KESIHATAN DAN KESELAMATAN	C. ESTETIK DAN KEBUDAYAAN
Keselamatan Fizikal	Bentuk Muka Bumi
Kesejahteraan Psikologi	Iklim
Penyakit Parasitik	Biota
Penyakit Berjangkit	Objek Buatan Manusia
Penyakit Fisiologi	Tempat Bersejarah dan Keagamaan
	Kesemulajadian
B. SOSIAL DAN EKONOMI	Kualiti Air
Pekerjaan	Kualiti Atmosfera
Perumahan	Trankualiti
Pendidikan	Hubungan Komuniti
Utiliti	Struktur Komuniti
Ameniti	Landskap

Berdasarkan pengalaman di negara-negara lain, EIA telah dikritik kurang memberi tumpuan kepada kesan sosial (lihat sebagai contoh, Burdge et al, 1978; Clark dan Heerington, 1988; Cope and Hill, 1988; Meyers, 1978). Kesan sosial selalu dianalisis bersekali dengan kesan ekonomi dan lebih dikenali sebagai kesan sosioekonomi (lihat sebagai contoh, Barrow, 1997; Burdge dan Vanclay, 1995; Burdge et al., 1994; Canter, 1996; Chadwick, 1995; DOE, 1988, 1994a, 1994b, 1994c, 1994d). Dalam kebanyakan kes, analisis lebih diberi tumpuan terhadap aspek ekonomi sementara aspek sosial kurang dipertekankan (lihat, Gold, 1978). Perkara yang sama juga dapat dilihat dalam amalan EIA di Malaysia (lihat, sebagai contoh, Abdullah, 1988, 1999a, Asma, 2002).

Abdullah (1988, 1999a, 2000) melaporkan bahawa berdasarkan analisis terhadap 50 laporan EIA, sejumlah 78% daripadanya mengandungi pemerihalan latar belakang keadaan sosioekonomi penduduk tempatan berbanding dengan aspek-aspek alam sekitar yang lain seperti meterologi (100%), kualiti udara (100%), kualiti air (98%), guna tanah (96%) dan bunyi (92%). Seterusnya, sejumlah 80% daripada laporan EIA ini mengenal pasti kesan sosioekonomi yang mungkin terjadi. Mengenal pasti dan mencadang langkah kawalan terhadap kesan yang dijangka terjadi merupakan salah satu objektif penting EIA. Waku bagaimanapun, analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa hanya 38% daripada laporan EIA mengenal pasti langkah kawalan. Ini bermakna, langkah kawalan tidak dikenal pasti untuk semua kesan sosioekonomi yang dijangka terjadi. Dalam proses EIA, pengawasan dan audit yang dijalankan semasa perlaksanaan projek sangat penting untuk memastikan tiada kesan sosial yang serius terjadi dan jika terdapat bukti kesan sedemikian berlaku langkah kawalan perlu segera diambil. Berdasarkan analisis yang dibuat, tiada satupun laporan EIA mengandungi rancangan pengawasan dan audit kesan social semasa pelaksanaan projek (lihat, Abdullah, 1999b).

Selain itu, kualiti pemerihalan latar belakang dan pengenalpastian dan jangkaan kesan sosial tidak memuaskan (lihat, Abdullah, akan diterbitkan). Secara keseluruhan, pemerihalan latar belakang dan kesan yang dijangka berlaku sebahagian besarnya deskriptif, iaitu tanpa menggunakan data kuantitatif. Kesan yang dikenal pasti juga agak kabur dari segi tempat, masa dan jangka masa kesan terjadi. Ini bukan sahaja menggambarkan kualiti SIA yang kurang memuaskan tetapi juga memberi kesan terhadap program pengawasan dan audit kesan social yang perlu dilaksanakan semasa perlaksanaan projek.

Berdasarkan analisis terhadap 30 laporan EIA, Asma (2000) melaporkan bahawa skop pemerihalan latar belakang agak terbatas. Dan tidak menggambarkan maksud “persekitaran sosial” Berdasarkan analisis

beliau bolehlah disimpulkan bahawa demografi merupakan aspek yang diberi keutamaan. Selain itu, aspek-aspek lain yang agak penting juga ialah perumahan, pekerjaan dan ekonomi. Dari segi bilangan halaman pula, lebih kurang 50% daripada laporan EIA memperuntukkan tidak melebihi 8% daripada jumlah halaman untuk SIA. Lebih kurang 20% laporan hanya mempunyai antara 10-20% daripada jumlah halaman yang berkaitan dengan SIA dan 20% lagi melebihi sedikit 30%. Walaupun isi kandungan laporan EIA tidak dianalisis dengan mengambil kira bidang rujukan kajian, perletakan dan ciri-ciri projek, namun hasil analisis ini tetap menggambarkan sedikit sebanyak mengenai analisis terhadap kesan social dalam EIA.

Abdullah (2002) pula mengkaji SIA dari segi prosedur pelaksanaan. Kajian yang dijalankan terhadap proses memeriksa laporan EIA Awal di semua negeri di Malaysia tidak termasuk Sabah menunjukkan bahawa agensi yang berkaitan dengan pembangunan sosial tidak terlibat dalam proses penyediaan bidang kajian EIA dan juga proses memeriksa laporan. Ini menyebabkan analisis kesan sosial tidak berkesan (lihat juga, Abdullah 1999a).

SIA juga perlu disediakan dalam penyediaan LCP. LCP ialah dokumen yang perlu disertakan oleh pencadang projek bersama-sama dengan permohonan mendapatkan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Perancangan. Keperluan mendapatkan Kebenaran Merancang dinyatakan dengan jelas di bawah Seksyen 19(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976:

*'No person, other than the local authority, shall commence, undertake or carry out any development unless planning permission in respect with the development has been granted to him.'*

Oleh itu apa-apa aktiviti yang dianggap 'pembangunan' seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (lihat di bawah) memerlukan Kebenaran Merancang:

*'the carrying out of any building, engineering, mining, industrial or othr similar operation in, on, over or under land or building or any part thereof, or the sub-division or amalgamation of lands .....*

Perincian keperluan dan isi kandungan LCP dihuraikan dalam Manual Cadangan Pemajuan (lihat, JPBD dan PPM, 2001). Keperluan menyediakan LCP telah dikuatkuasakan di beberapa Pihak Berkuasa Perancangan peringkat Negeri dan Tempatan bermula pada tahun 1996. Salah satu tujuan utama LCP ialah untuk memastikan konsep pembangunan mapan dapat dicapai. Melalui LCP, cadangan projek pembangunan yang ditidak diwajibkan EIA dapat dinilai kesannya terhadap alam sekitar. Oleh kerana EIA merangkumi SIA, dan LCP pula secara jelas menyatakan keperluan SIA, maka jelaslah bahawa SIA masih dapat disediakan untuk cadangan pembangunan yang tidak diperlukan EIA melalui LCP.

Secara umum, SIA yang terkandung dalam LCP jauh lebih ringkas daripada yang terdapat dalam laporan EIA. Secara umum, SIA yang terkandung dalam LCP menganalisis kesan yang dialami dan juga perubahan yang dijangka berlaku terhadap ciri-ciri sosial akibat daripada projek yang dicadangkan. Isu-isu yang dimuatkan tergantung kepada jenis dan lokasi cadangan. Secara umum, isu-isu yang disentuh adalah jumlah dan taburan penduduk, struktur umur dan jantina penduduk, bilangan unit kediaman dan kemudahan awam dan kadar jenayah. Sama ada SIA mencapai matlamat LCP dan juga keberkesanan SIA menangani isu-isu sosial belum dikaji dengan meluas. Ini kerana LCP masih baru dan belum ada minat yang jelas daripada mana-mana pihak untuk mendalami isu ini.

## PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Terdapat pelbagai kelemahan SIA yang disediakan dalam amalan EIA. Oleh itu beberapa langkah perlu diambil untuk pembaikan

- a) Melibatkan agensi yang berkaitan dengan perancangan dan kemajuan sosial dalam proses EIA. Terdapat tiga peringkat penting dalam proses EIA memerlukan keterlibatan agensi-agensi ini, iaitu:
  - Penentuan skop ~ mengenal pasti skop kajian EIA. Pada masa ini agensi perancangandan pembangunan sosial tidak dijemput kerana tidak dianggap agensi teknikal.
  - Pemeriksaan laporan ~ memeriksa laporan EIA yng dilaksanakan Jabatan Alam Sekitar untuk membuat keputusan mengenai kelulusan laporan EIA. Pada masa ini, hanya jabatan teknikal yang dijemput Jabatan Alam Sekitar untuk memeriksa laporan EIA Awal sementara agensi perancangan dan pembangunan sosial tidak dijemput kerana tidak dianggap agensi teknikal.

Walau bagaimanapun untuk pemeriksaan laporan EIA terperinci pelbagai agensi dan juga pakar sains sosial dijemput memeriksa laporan.

- Pengawasan ~ agensi berkaitan dengan perancangan dan pembangunan sosial mengawasi pelaksanaan projek serta kesan pelaksanaan projek berkenaan terhadap alam sekitar,

Pada masa ini, hanya jabatan teknikal yang dijemput Jabatan Alam Sekitar untuk memeriksa laporan EIA Awal dan malang sekali agensi perancangan dan pembangunan sosial tidak dijemput kerana tidak dianggap agensi teknikal. Walau bagaimanapun untuk pemeriksaan laporan EIA terperinci pelbagai agensi dan juga pakar sains sosial dijemput memeriksa laporan.

- Memastikan juru perunding EIA yang menyediakan SIA berkelayakan. Ini dapat dilakukan umpamanya melalui pendaftaran juru perunding SIA.
- Garis panduan untuk menyediakan SIA bagi LCP perlu disediakan dan proses menilai SIA dalam LCP perlu dimantapkan.
- Cadangan pembangunan mempunyai beberapa hirarki, iaitu projek, program, pelan dan polisi. Wood (1991) menjelaskan maksud polisi, pelan, program dan projek serta hubungan antara satu sama lain. Polisi ialah dasar yang memandu tindakan. Sebahagian besar daripada polisi berbentuk sektoral umpamanya polisi mengenai perhutanan, pertanian, perlombongan, kependudukan dan perumahan. Ada juga polisi yang lebih umum seperti Dasar Ekonomi Baru yang tidak bersifat sektoral. Pelan pula berperanan untuk melaksanakan inspirasi polisi. Pelan pembangunan khususnya. Program pula terdiri daripada pelbagai projek yang dirancang untuk dilaksanakan. Pelan dan program boleh bersifat sektoral seperti polisi dan mungkin juga bersifat meruag. Pelan Struktur dan Pelan Tempatan merupakan contoh pelan yang ditafsirkan dalam bentuk eruang dan sangat berpengaruh dalam menentukan arah tujuan pembangunan. Cadangan pada peringkat polisi, pelan dan program turut memberi kesan yang ketara terhadap masyarakat. Walau bagaimanapun, mekanisme perancangan dan penilaian cadangan pembangunan yang merangkumi SIA sedia ada, khususnya EIA dan LCP tidak memberi kesempatan polisi dan pelan untuk dinilai kesan sosialnya. Untuk cadangan program pembangunan, sebahagian daripada aktiviti yang diwajibkan EIA boleh diintegrasikan program. Oleh itu, usaha mestilah dibuat untuk memperkenalkan mekanisme menilai kesan sosial akibat daripada pelaksanaan polisi dan pelan.

Bagi EIA, tumpuan asalnya ialah menilai kesan cadangan projek pembangunan terhadap alam sekitar. Walau bagaimanapun, setelah beberapa tahun EIA diamalkan, usaha telah dibuat untuk memperluaskan penggunaan EIA supaya turut menilai kesan cadangan polisi dan pelan terhadap alam sekitar (lihat, sebagai contoh, Brehoney, 1984; Grove-White, 1984; Jones, 1983; Lee dan Wood, 1978, 1988; Meyers, 1976; Monbilliu, 1983; Nelson, 1984; O'Riordan dan Sewell, 1981). Cadangan ini telah dilaksanakan di beberapa negara seluruh dunia (lihat, sebagai contoh, Lee dan Walsh, 1992; Therivel et al., 1994). Walaupun belum ada usaha memperluaskan EIA kepada cadangan pelan dan polisi, namun usaha Jabatan Alam Sekitar memperkenalkan konsep EIA Makro merupakan suatu petanda bahawa menilai kesan alam sekitar peringkat projek berhadapan dengan masalah gagal melihat kesan keseluruhan akibat daripada pelaksanaan beberapa projek dalam suatu kawasan (lihat, Abdullah, 2002). Memandangkan pelaksanaan polisi, apatah lagi polisi yang khusus berkaitan dengan pembangunan sosial memberi kesan terhadap masyarakat maka usaha memperluaskan penggunaan SIA untuk menilai cadangan pelaksanaan polisi pelan perlu disegerakan.

- Menyediakan SIA untuk pelan pembangunan, Pelan Struktur dan Pelan Tempatan;
- Meqajibkan SIA untuk polisi sosial dan pembangunan

- Memperkenalkan dasar SIA serta mewujudkan mekanisme SIA untuk cadangan di atas, termasuklah tatacara dan prosedur SIA.

## PENUTUP

SIA merupakan kaedah penting dalam menilai cadangan projek, program pelan dan polisi pembangunan bagi memastikan pelaksanaannya tidak menimbulkan kesan negatif terhadap masyarakat. SIA bertambah penting dengan mengambil kira pembangunan pesat dan pengenalan pelbagai polisi untuk mencapai hasrat menjadi negara maju pada tahun 2020 serta perkembangan ke arah dunia tanpa sempadan. Amalan semasa memberi SIA melalui EIA dan LCP menyediakan asas untuk memantapkan lagi SIA di samping cuba berusaha memperluaskan penggunaan SIA untuk menilai pelan dan polisi. Melalui mekanisme yang pelbagai ini dapatlah SIA digunakan bagi tujuan menanganai kesan social pada masa kini dan masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abdullah Mohamad Said, 1999a. Konsep dan Pelaksanaan Penilaian Dampak Sosial, Persidangan Kebangsaan Penilaian Dampak Sosial, Universiti Malaya, 29-30 Jun 1999.
- Bowles, R.T., 1981. *Social Impact Assessment in Small Communities an Intergrative Review of Selected Literature*, Toronto: Butterworth.
- Breheeny, M. J. 1984. Urban Policy Analysis Environmental and Planning Committee Paper No. 1, London: HMSO.
- Burdge, R. *et al.*, 1978. Social Components of Environmental Impact Statements. In *Environmental Impact Analysis Emerging Issues in Planning*. R. K. Jain and B. L. Hutchings (eds.). Urbana: University of Illinois, 117-122
- Canter, L. W. 1996. Environmental Impact Assessment. 2<sup>nd</sup> Edition. New York: McGraw-Hill.
- Chadwick, A., 1995. Socio-economic Impact 2: Social Impacts. In *Methods of Environmental Impact Assessment*, P. Morris and R. Therivel (eds.), 29-49 UCL Press.
- Clark, M. and J. Herrington (eds.), 1988. *The Role of Environmental Impact Assessment in the Planning Process*, London: Mansell.
- Cope, D and P. Hills, 1988. Total Assessment: Myth or Reality. In *The Role of EIA in Planning Process*. London: Mansell.
- Department of Environment (DOE), 1988. *A handbook of Environmental Impact Assessment Guidelines*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment.
- Department of Environment (DOE), 1994a. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Coastal Resort Development*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment, Kuala Lumpur.
- Department of Environment (DOE), 1994b. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Petrochemical Industries*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment, Kuala Lumpur.
- Department of Environment (DOE), 1994c. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Industrial Estates Development*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment, Kuala Lumpur.
- Department of Environment (DOE), 1994d. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Golf Course Development*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment, Kuala Lumpur.
- Gold, R. C., 1978. Linking Social With Other Impact Statements. In *Environmental Impact Analysis Emerging Issues in Planning*, R. K. Jain and B. L. Hutchings (eds.), Urbana: University of Illinois, 105-116.
- Burdge, R.J. and S. Johnson, 1994. Environmental Impact Statements and the Social scientist. In R. J. Burdge (ed.), Middleton; Social Ecology Press, 65-76.
- Jabatan Alam Sekitar, Malaysia (JAS), 1988. *A Handbook of Environmental Impact Assessment Guidelines*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment.
- Jabatan Alam Sekitar, Malaysia (JAS), 1994a. *Environmental Impact Assessment Guidelines for Coastal resort Development*. Department of Environment, Ministry of Science, Technology and Environment.



- Jones, M. G. 1983. Environmental Impact Assessment at Planning Level: Two System. In *Environmental Impact Assessment, Project Appraisal for Development Control* (eds.), 63-94, The Hague.
- Kerajaan Malaysia (KM), 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh. Kuala Lumpur: Percetakan Negara
- Kerajaan Malaysia (KM), 2001. Rancangan Malaysia Kelapan. Kuala Lumpur. Percetakan Negara.
- Lee, N. dan C. M. Wood, 1978. EIA-A European Perspective. *Built Environment*, 4,2.
- Lee, N. dan F. Walsh, 1992. Strategic Environmental Assessment: an Overview. *Project Appraisal*, 7,3,126-136.
- Meyers, S., 1978. The US Experience With National Environmental Impact Legislation. In T.O'Riordan dan R. Heys (ed.). *Environmental Impact Assessment*. Glasgow: Saxone House.
- Monbilliu, X 1983. Role of Environmental Impact Assessment in Plans and Policies. In PADC. *Environmental Impact Assessment The Hague: Martinus Nijhoff*, 95-107.
- Nelson, P. 1984. Assessment of Water Resource Developments. In *Prerspectives on Environmental Impact Assessment*, B.D. Clark, A. Giland, R. Bisset, P. Tomlinson (eds.), 451-478. Dordrecht: Reidel.
- O'Riordan, T dan W. R.D.Siwell, 1981. From Project appraisal to Policy Review. Dalam O'Riordan, T and W.R.D. Siwell, 1981 (ed.). *Project appraisal and Policy Review*. New York: John Wiley and Sons.
- Wathern, P. 1988. An Introductory Guide to EIA. In *Environmental Impact Assessment Theory and Practice*, P. Wathern (ed), 3-30. London: Unwin Hyman.
- Wood, C. 1991. EIA of Policies, Plans and Programmes. *EIA Newsletter* 5, 2-3.